

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 14 RABU 8 APRIL, 1970

1390 رابو 1 صفر PERCHUMA

### PENGAJIAN BERPOS: 700 BADAN PERNIAGAAN BERI JAWAPAN

**BANDAR BRUNEI.** — Lebih dari 700 buah badan perniagaan di-Brunei setakat ini telah memberikan kerjasama dengan pihak kerajaan, dalam satu projek untuk mengumpulkan chatetan ekonomi, untuk di-gunakan sa-bagai panduan dalam perancangan ekonomik di-masa hadapan bagi negeri ini.

Badan2 perniagaan itu telah menjawab dan mengembalikan daftar pertanyaan yang di-terima dari Jabatan Setia Usaha Kerajaan awal bulan lalu, yang meminta mereka menerangkan kedudukan pekerja2 buroh-nya, tempat2 kegiatan dan lama masa-nya perniagaan itu di-jalankan.

Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin kelihatan mengalu2kan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Kommonwealth, Lord Shepherd sa-jurus ketibaan menteri itu di-lapangan terbang Berakas pada hari Juma'at lepas. Di-tengah2 sedang memerhati ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, di-Brunei Awang A. R. Adair.

Lord Shepherd sekarang ini berada di-sini untuk mengadakan perundingan mengenai hubungan masa depan Brunei dan Britain.

Sa-orang juruchakap Bahagian Ekonomik Jabatan Setia Usaha Kerajaan berkata, jabatan-nya hingga sekarang telah menghantarkan daftar pertanyaan itu kepada 2,755 badan perniagaan yang di-ketahui menjalankan urusan-nya di-Brunei, dan setakat ini 759 dari badan2 perniagaan itu telah memberikan kerjasama, dan mengembalikan daftar2 tersebut.

Kata-nya sa-banyak 492 daftar pertanyaan telah di-kembalikan ka-bahagian itu kerana ia-nya tidak di-terima, ini mungkin di-sebabkan alamat badan2 perniagaan itu telah berubah atau tidak lagi menjalankan perniagaan.

Juruchakap itu menyeru badan2 perniagaan, sama ada

(Lihat Muka 8)



Gambar menunjukkan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah (di-tengah2) sedang memperkenalkan Prince Bernhard (berkacha mata) kepada Awang C. Lambers, dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, sa-jurus ketibaan Prince itu di-lapangan terbang Berakas. Lain2 kelihatan dalam gambar ini ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di - Brunei, Awang A. R. Adair (membelakangi kamera); Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail (di-kiri sekali) dan

Awang L. V. Wachem, Pengarah Teknikal Sharikat Shell Brunei Berhad.

Duli Pengiran Perdana Wazir, Awang Adair dan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan dan pegawai2 Minyak Shell itu ada - lah di - antara yang menyambut ketibaan Prince Bernhard dari Negeri Belanda yang telah singgah sebentar di-sini pada minggu lepas dalam perjalanan-nya dari Indonesia ka-Singapura.

Kapal terbang private jenis Fokker Friendship yang membawa Putera Mahkota itu telah mendarat di-lapangan terbang Berakas pada pukul 12.00 tengah hari untuk mengisi minyak.



### 18 orang pemain di-pileh untuk mewakili Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Samamai 18 orang pemain dan empat orang pegawai Persatuan Bola Sepak Amateur Brunei akan mewakili negeri ini dalam pesta bola sepak pemuda Asia yang akan di-adakan di-Manila dari 15 April hingga 2 Mei ini.

Pesta bola sepak itu akan di-hadiri oleh pasukan2 dari 16 buah negeri ia-itu Brunei, Burma, Ceylon China Kebangsaan, Hongkong, Indonesia, Iran, Malaysia, Israel, Jepun, Korea Selatan, Laos, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

(Lihat Muka 8)

## PAMERAN SASTERA ANJORAN ASTERAWANI

**BANDAR BRUNEI.** — Persatuan Asterawani akan mengadakan PAMERAN SASTERA selama tiga hari mulai 28 Mei hadapan.

Pameran yang julong2 kali-nya di-anjor-kan oleh persatuan tersebut akan di-adakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei dan akan di-buka mulai 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Setia Usaha Persatuan Asterawani, Awang Leman bin Ahmad menyatakan bahawa tujuan di-adakan pameran itu ia-lah supaya kita dapat melihat kegiatan penulis2 kita di-Brunei pada masa ini dan masa2 yang sudah.

Beliau menegaskan, ia-nya juga sekurang2-nya akan dapat mendorong penulis2 muda kita ka-arrah penulisan yang lebih baik.

Pameran itu kata-nya akan menjadi kenangan atau kalau perlu dapat di-jadikan bahan kajian bahawa kita orang2 Melayu ada-lah kaya dengan hasil2 kesusasteraan-nya.

Awang Leman berkata, per-kara2 yang akan di-pamerkan itu ia-lah karya2 sastera yang berupa sajak, cerpen, skrip2 drama pentas/radio, nobel, shaer2 dan termasuklah surat2 yang berhubung dengan sastera yang boleh di-dapati dari penulis Brunei. Karya2 tersebut di-tulis sama ada dengan tulis tangan atau taip dan yang sudah di-terbitkan atau pun belum.


Sharat2 bagi memasoki pameran tersebut ada-lah seperti berikut:—

- \* Penulis2 tanah ayer di-pelawa menghantar karya2 sastera-nya kepada Setiausaha Asterawani untuk di-pamerkan. Karya2 sastera itu sama ada dalam bentuk cerpen, sajak, shaer, nobel, skrip2 drama pentas/radio termasuklah surat2 yang berhubung dengan sastera dan lain2.
- \* Hasil karya sastera yang hendak di-pamerkan itu tidak kira sama ada dengan menggunakan tulisan tangan atau taip — karya2 itu sama ada yang sudah terbit atau yang belum atau pun mau di-terbitkan.
- \* Sajak2 yang di-hantar untuk menyertai pameran ini di-hadkan tidak lebih dari lima buah sahaja — kechuali karya2 yang lain ada-lah bebas.
- \* Peserta2 juga di-kehendaki menyertakan sa-keping gambar-sendiri yang berukuran paspot atau poskad dan riwayat hidup-nya sa-chara ringkas.
- \* Bayaran kerana menyertai PSA ini dikenakan \$3.00 sa-orang, ia-itu untuk perbelanjaan segala urusan dan kelengkapan pameran ini.
- \* Segala bahan2 sastera yang hendak di-pamerkan itu hendak di-alamatkan kepada A. Leman Ahmad tidak lewat dari 30 April ini d/a Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Bersempena dengan pameran sastera itu, Persatuan Asterawani juga akan mengadakan 'Malam Penyaer' pada 30 Mei.

Dalam majlis itu persatuan tersebut akan mengundang khas penyaer2 tanah ayer untuk mendik-lamasi sajak2 yang mereka tulis sendiri.

Selain dari itu penuntun2 juga akan berperluang menyaksikan sa-buah drama pentas yang akan di-usahkan oleh ahli2 Asterawani.



Gambar atas menunjukkan kan sa-buah jambatan kon-kret di-jalan baru Sungai Liang/Labi sedang dalam pembeinaan.

Jambatan tersebut ada-lah salah satu dari 12 buah jambatan konkrit yang di-bena dalam projek pembe-naan jalan raya tersebut.

Jalan raya sa-jauh 27 ba-tu akan menghubungkan Sungai Liang dengan kam-pung pendalaman di-Ulu Belait — Bukit Puan, Ram-payoh dan Labi

Projek yang menelan be-lanja kira2 \$13 juta itu te-lah di-mulakan dalam ta-hun 1960.

Pembinaan jalan raya ter-sebut sekarang ini sedang berjalan dengan lancar.

## Ahlis2 J / K baru Majlis Masharakat Daerah Belait

**SERIA.** — Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia, Dato Seri Laila Jasa Awang P. A. Coates telah di-pilih semula sa-bagai Pengerusi Majlis Perkhidmatan Daerah Belait bagi tahun 1970/71.

Lain2 ahli yang telah di-pi-leh dalam mashuarat agong tahunan yang berlangsung pa-da 27 Mach lepas ada-lah sa-perti berikut:

Naib Pengerusi — Dr. T. Panch; Bendahari Kehormat Awang Bohari bin Ali; Ahli2 Kerana Jawatan — Pegawai Daerah Belait atau wakil-nya; Mrs. W. A. A. Williams, Awang Cheh Tat Kheam, Wan Shaffie bin Hussein dan Awang Tan Liang How; Setia Usaha Awang V. Abdul Salam dan Juru Odit Kehormat — Awang Chua Kwong Hock dan Awang Cheong Soon Lee.

Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia, Dato Seri Laila Jasa Awang P. A. Coates juga telah di-pilih sa-bagai penge-rusi Jawatankuasa Pengelola Rumah2 Orang2 Tua di-Seria. Sementara itu Majlis Perkhidmatan Daerah Belait telah memasokan empat orang lagi

ka-Rumah Orang2 Tua di-Seria.

Ini telah di-ambil dalam mashuarat yang telah di-ada-kan baru2 ini dan dengan itu jumlah penghuni2 rumah terse-but ia-lah 60 orang.

Rumah Orang Tua itu di-uruskan oleh Majlis itu dengan menerima peruntokan tahunan sa-banyak \$10,000 dari kerajaan untuk menampung perbe-lanjaan-nya.

Sa-orang juruchakap bagi majlis itu berkata, sa-takat ini majlis itu telah meng-utip sa-banyak \$25,322.45 sa-bagai derma dari orang ramai bagi tahun ini.

## Penyiasatan penyakit untut di-sambong semula

**BANDAR BRUNEI.** — Rom-bongan penyiasat Projek Penghapus Malaria akan mela-wat ka-tujuh buah kampung di-Daerah Tutong dalam bulan ini untuk menjalankan pen-yiasatan penyakit untut ka-tas penduduk2 di-kawasan itu. Rombongan itu akan meng-

ambil darah dari 713 orang di-kampung itu mulai 11 April.

Rombongan penghapus ma-laria itu akan terus memeriksa semua penduduk di-daerah itu sa-belum meneruskan pen-yiasatan mereka ka-lain2 daerah.

Penyiasatan penyakit untut te-lah di-sambong semula sa-lepas di-berhentikan selama hampir dua bulan semasa wabak ko-lera di-negeri ini baru2 ini.

Projek Penghapus Malaria mula melancarkan penyelide-kan penyakit itu dalam bulan Jun 1968 sa-telah menjumpai beberapa kejadian penyakit tersebut di-Daerah Tutong.

Hingga bulan Nobember ta-hun lepas sa-ramai 128 orang telah di-dapati mengidap pe-nyakit itu.

Penyakit untut ada-lah sa-jenis penyakit yang di-bawa oleh nyamok yang menyebab-kan kaki bengkok jika tidak di-ubat.

## Lebih 30 memohon jawatan Merinyu Pulis

**BANDAR BRUNEI.** — Paso-kan Pulis Di-Raja Brunei te-lah menerima lebih dari 30 permohonan dari pemuda2 yang layak kerana jawatan sa-bagai Merinyu perhubungan apabila permohonan di-tutup pada 31 Mach lepas.

Timbalan Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengi-ran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid ber-

kata, hanya lima orang akan di-pilih untuk memenohi jawa-tan itu.

Chalun2 yang berjaya akan menjalani kursus lanjutan di-Pusat Latehan Pulis di-Kuala Lumpur selama kira2 8 hingga 9 bulan.

Sa-bagai permulaan sa-orang Merinyu perhubungan akan me-nerima gaji sa-banyak \$480.00 sa-bulan.

**RASULULALLAH** s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud:

"Bahawa barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, maka hendaklah ia berkata akan yang baik atau hendaklah ia diam dan barang siapa beriman kepada Allah kerana hari kemudian, maka hendaklah ia memuliakan jiran-nya, dan barang siapa beriman kepada Allah kerana hari kemudian, maka hendaklah ia memuliakan tetamu-nya".

Maksud hadits ini mengandungi pengajaran yang tinggi nilainya untuk kebajikan dan keselamatan serta keamanan, bukan sahaja bagi diri sendiri bahkan meliputi dalam berjiran dan bermasyarakat.

Hadith ini bermaksud supaya apabila sa-seorang ini hendak mengeluarkan perkataan, maka ia hendaklah terlebih dahulu berfikir dan menimbangkan akibat daripada perkataan-nya itu adakah boleh mendatangkan kebajikan atau pun kejahatan.

Hadith ini tidaklah bermaksud untuk melarang sa-seorang ini daripada mengeluarkan perkataan, bahkan menurut maksud sa-buah hadits yang lain Rasulullah s.a.w. pernah berkata apabila engkau berkata di-tulis untuk engkau (di-beri pahala jika baik) atau di-tulis atas engkau (berdosa jika jahat).

Sa - benar-nya Rasulullah mengajar supaya orang Islam itu selalu mengawasi perkataan-nya dan hendaklah diam jika sa-kira-nya diam itu ada faedah-nya.

Dalam pada itu bersikap diam pada bukan tempat-nya tidaklah terpuji, bahkan setengah ulama mensifatkan orang yang diam pada bukan tempat-nya ada-lah seperti

# PERKATAAN2 YANG HENDAK DI-UCHAPKAN PERLU DI-FIKIRKAN BUROK BAIK-NYA TERLEBEH DAHULU

## KHUTBAH JUMA'AT

shaitan yang babau.

Masalah kedua yang disentuh oleh hadits tadi ia-lah mengenai dengan hidup ber-

jiran, kita ada-lah di-suruh supaya memuliakan dan bertimbang rasa terhadap jiran kita walaupun jiran itu tidak sa-

Ugama dengan kita, kerana menurut maksud sa - buah hadits yang lain bahawa Rasulullah pernah berkata bukan-lah orang yang beriman itu orang yang kenyang sedangkan jiran-nya dalam keadaan lapar. Dan Rasulullah s.a.w. pernah berkata yang bermaksud kepada sa-orang sahabat-nya yang ketubulan menyembelih kambing "Adakah kamu hadiahkan kepada jiran kita orang Yahudi itu."

Berbudi bahasa dan bertimbang rasa terhadap jiran merupakan perkara yang dipandang berat oleh Ugama Islam, dan mendatangkan kesusahan kepada jiran ada-lah chelaka kerana pernah di-katakan kepada Rasulullah hal keadaan sa-orang perempuan yang bersembahyang pada waktu malam dan berpuasa pada waktu siang, tetapi lidah perempuan itu selalu menyakiti jiran-nya, maka Rasulullah berkata:

"Tidak ada kebaikan pada perempuan itu, dia dalam neraka".

Demikian-lah serba sedikit penerangan yang sempat disentuh mengenai dengan hadits yang di-sebutkan tadi.

Semuga kita umat Islam akan sentiasa berfikir dan menimbangkan sa-suatu yang akan di-perkatakan dan hendaklah selalu berbuat baik kepada jiran tetangga kita.

## KURSUS BAGI PEGAWAI2 DAN GURU2 UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Satu kursus bagi pegawai2 dan guru2 Ugama di-negeri ini akan di-adakan di-Sekolah Menengah Arab di-Bandar Brunei selama sa-minggu.

Kursus yang kedelapan anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama itu akan bermula pada 17 April ini.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, tujuan mengadakan kursus itu ia-lah untuk mengulang kaji semua tugas masing2 disamping menambahkan lagi pengetahuan.

Kursus itu juga termasuk chara2 mengatasi kelemahan murid2 dan mengkaji chara2 menyalurkan semua aspek pelajaran yang berkesan.

Beberapa orang pensharah yang terdiri dari pegawai2 Ugama dan pegawai2 kerajaan akan memberikan cheramah dalam kursus tersebut.

## Jalani kursus pentadbiran

BERAKAS. — Dua orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lepas untuk melawat sambil memerhati pentadbiran dan mengenai pepeiksaan selama dua bulan.

Mereka ia-lah Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Awang Haji Abdullah bin Metassan dan Pemangku Pegawai Pepeiksaan Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah. Kedua2 orang pegawai itu akan melawat jabatan2 Ugama di-Perak, Kelantan dan Kementerian Pelajaran di-Kuala Lumpur.

Mereka juga akan melawat di-pejabat Majlis Ugama Islam dan pejabat Kementerian Pelajaran Singapura.

Awang Haji Abdullah akan memerhati mengenai pentadbiran sementara Awang Abdul Rahman mengenai pepeiksaan.

## Pengurniaan

wang tambang kpd.  
pegawai2 kerajaan  
bagi menunaikan  
fardhu haji

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 kerajaan yang berhak untuk mendapatkan pengurniaan wang tambang kerana menunaikan fardhu haji bagi musim haji 1971 ada-lah sekarang di-jemput untuk mengemukakan permohonan2 mereka untuk di-pertimbangkan.

Permohonan2 hendaklah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 25 April, 1970. Permohonan2 yang lewat dari tarikh yang disebutkan itu tidak akan dilayan.

Segala permohonan2 hendaklah di-hantar dengan melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa ada-lah di-kehendaki mengedarkan permohonan2 itu ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan berserta dengan laporan2 mereka yang lengkap mengenai pemohon2.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8 April 1970 hingga ka-hari Selasa 14 April 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

| Hari     | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|----------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|-----------------|
| 8 April  |       | 12-28  | 3-45 | 6-32   | 7-44 | 4-46  | 5-00  | 6-16            |
| 9 April  |       | 12-28  | 3-43 | 6-32   | 7-44 | 4-46  | 5-00  | 6-16            |
| 10 April |       | 12-28  | 3-43 | 6-32   | 7-44 | 4-46  | 5-00  | 6-16            |
| 11 April |       | 12-27  | 3-42 | 6-32   | 7-44 | 4-45  | 4-59  | 6-14            |
| 12 April |       | 12-27  | 3-42 | 6-32   | 7-44 | 4-45  | 4-59  | 6-14            |
| 13 April |       | 12-27  | 3-42 | 6-32   | 7-44 | 4-45  | 4-59  | 6-14            |
| 14 April |       | 12-27  | 3-42 | 6-32   | 7-44 | 4-45  | 4-59  | 6-14            |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



8hb. April, 1970.

## PENGKAJIAN BERPOS

**S**EJAK pertengahan bulan Mach lepas, lebih dari 2 000 badan2 perniagaan di-negeri ini telah menerima borang soalan yang memerlukan jawapan2 yang lurus mengenai perjalanan perniagaan2 mereka sa-jauh ini.

Langkah kerajaan mengutarakan soalan2 itu ia-lah untuk melaksanakan pengkajian ekonomi di-negeri ini yang tujuan asas-nya ia-lah sa-bagai salah satu chara untuk memperbaiki keadaan perekonomian rakyat dan kesetabilan perjalanan per-ekonomian negara.

Bagi kelancaran pengkajian ini ada-lah bergantung kepada kesegeraan badan2 perniagaan yang menerima borang2 soalan itu untuk mengembalikan jawapan2 mereka. Kesedaran dari badan2 perniagaan untuk benar2 membantu kerajaan dalam melaksanakan ranchangan yang penting ini ada-lah sangat2 diperlukan. Sa-suatu yang bertujuan untuk memperbaiki itu, apa lagi yang melibatkan masyarakat dan negara, maka tidak ada sebab ia-nya di-sambut dengan tidak di-serai oleh perhatian yang berat.


Sa-jauh ini dari jumlah lebih dari 2.000 borang2 soalan yang di-hantar dan di-terima oleh badan2 perniagaan hanya lebih dari 700 buah sahaja yang memberikan jawapan2.

Sebab2 badan2 perniagaan yang laai menghantar jawapan2 yang di-perlukan itu belum dapat di-pastikan lagi, tetapi menurut kalangan2 yang tertentu bahawa sa-bilangan besar dari badan2 perniagaan itu telah tidak menumpukan perhatian yang berat untuk memberikan jawapan2 mereka dan sa-bahagian-nya pula menyimpan rasa ragu2 yang terbit dari angapan2 yang menyeleweng dari tujuan kerajaan yang sa-benar-nya.

Ada-lah sangat2 di-kesalkan terhadap kurang-nya perhatian yang di-berikan oleh badan2 perniagaan itu. Hal ini sepatutnya tidak harus berlaku memandang kepada peluang2 berniaga yang di-berikan oleh kerajaan dengan syarat2 yang amat ringan jika di-bandingkan dengan syarat2 yang di-terima oleh peniaga2 di-negara2 jiran tetangga kita.

Melambat2kan pada memberikan jawapan atas soalan2 itu sama-lah juga arti-nya yang badan2 perniagaan di-negeri ini tidak mengindahkan kerajaan yang juga dapat memberikan arti yang badan2 perniagaan itu tidak memberikan kerjasama dalam saat2 yang di-perlukan.

Sa-benar-nya, ranchangan kerajaan ini untuk menentukan kejayaan-nya ada-lah bergantung kepada kerjasama mereka, dan kerajaan berchita2 hendak melaksanakan ranchangan2 ekonomi yang lebih berkesan sa-chepat mungkin untuk menyambungkan perkembangan negara dan bertambah-nya bilangan penduduk. Maka tidak shak lagi bahawa jika badan2 perniagaan masih melingah2kan pada memberikan jawapan2 itu ada-lah berarti memaksa kerajaan menjalankan tindakan undang2 yang bakal menimpa kesusahan pada mereka.



Gambar atas menunjukkan dari kiri: Awang Ibrahim bin Abdul Rahman, Awang Abu Bakar Othman dan Awang Mohd. Yusof bin Bagol yang masing-masing mendapat tempat pertama, kedua dan ketiga dalam perlumbaan rentas desa tahunan Maktab Perguruan yang telah di-adakan baru2 ini.

Kira2 150 orang penuntut termasuk 70 orang perempuan telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

## Pembinaan ampangan untuk tambah perbekalan ayer

**BANDAR BRUNEI.** — Kerajaan telah memberikan konterk bagi pembinaan ranchangan mengepam ayer Sungai Kianggeh kepada pemborong Hup Yick.

Kerja2 pembinaan projek yang menelan belanja \$1,060,000.00 itu akan di-mulakan dalam masa beberapa minggu akan datang dan ia-nya akan siap dalam masa 12 bulan.

Termasuk dalam konterk itu ia-lah pembinaan jalan masuk ka-pusat pengepam di-Sungai Kianggeh.

Jalan baru itu akan menghubungkan dua buah jambatan. Sa-buah dari jambatan2 konkrit itu akan menggantikan jambatan Bailey yang ada se-

karang di-Sungai Kianggeh dan Sungai Barangan. Jambatan2 itu boleh di-gunakan bagi jalan dua hala dengan jalan2 kechil di-kedua2 belah-nya bagi orang2 yang berjalan kaki.

Satu lagi jambatan menyeberangi Sungai Kianggeh adalah Jambatan Bailey.

Sa-buah ampangan akan di-bena merintangi Sungai Kianggeh.

Sa-buah pusat pengepam yang akan di-bena berhampiran dengan ampangan itu akan menyedut ayer dari sungai itu dan akan di-pam melalui paip2 14 inci ka-tempat simpanan ayer di-Tasek untuk menambah simpanan ayer dan dengan yang demikian akan menambahkan pengeluaran dari tempat simpanan ayer itu.

Konterk bagi pembekalan dan pemasangan pusat pengepam bagi projek itu telah di-berikan kepada United Engineers yang berharga \$170,931.00.

## Sokan tahunan Sekolah2

**KUALA BELAIT.** — Sekolah Inggeris Kuala Belait pada hari Sabtu lalu telah mengadakan sokan tahunan kali kedua di-padang KBRC.

Lebih dari sa-ratus orang murid telah mengambil bahagian dalam 39 jenis perlumbaan, termasuk lumba lari berganti2 jarak empat ratus meter antara sekolah.

Turut menyaksikan sokan itu sa-bagai tetamu ia-lah Pegawai Daerah Belait Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Sekolah2 Anglican Church Seria dan Belait juga telah mengadakan sokan-nya yang ka-dua belas di-Gelanggang Sokan Seria, pada hari itu.

Sementara itu di-Bandar Brunei, Sekolah Menengah Melayu SMJA telah mengadakan sokan tahunan-nya bertempat di-padang SMJA, petang pada hari Ahad.

## PERTANDINGAN BINTANG RADIO 1970

**BANDAR BRUNEI.** — Radio Brunei sekarang mempelawa peserta2 untuk menyertai Pertandingan Bintang Radio 1970 yang akan di-adakan tidak berapa lama lagi.

Pertandingan tahunan yang di-anjorkan oleh Bahagian Melayu Radio Brunei itu akan di-bahagikan kepada dua bahagian — bahagian langgam dan asli.

Peserta2 lelaki mesti-lah berumur 21 tahun ka-atas sementara peserta2 perempuan hendak-lah berumur 18 tahun ka-atas dan mereka mesti-lah warga negara Brunei.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa pertandingan tersebut menyatakan pertandingan itu akan di-adakan dalam peringkat daerah sa-belum di-adakan pertandingan peringkat akhir.

Jawatankuasa itu telah menetapkan 10 buah lagu langgam dan enam buah lagu asli untuk di-pertandingkan.

Lagu itu ia-lah **Langgam untuk lelaki** — Hilang tiada berganti, Kenangan, Senja di-rantau, Musafir Kelana dan Hanya Sa-kejap.

**Langgam untuk perempuan** — Kaseh-ku Terlakis, Hanya Engkau, Lambaian Kanda, Jangan-lah Jemu dan Kelohan-ku.

**Asli untuk lelaki** — Anak Tiong Seri Lanang dan Kuala Deli. **Asli untuk perempuan** — Jalak Linting, Seri Sarawak dan Pasir Ruboh.

Borang2 masuk bertanding dan syarat2 bagi memasuki pertandingan itu boleh di-dapati dari Bilek Bachaan Temburong, Bilek Bachaan Tutong, di-studio Radio Brunei Kuala Belait dan Bahagian Melayu Radio Brunei, Bandar Brunei.

Borong2 yang telah di-isi hendak-lah di-kembalikan kepada Penerbit Bintang Radio 1970, Perkhidmatan Melayu Radio Brunei tidak lewat dari 15 April, 1970.

## Bangunan sains siap

**BANDAR BRUNEI.** — Bangunan yang mengandungi bilek2 sains dan seni bagi Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkihah di-Batu Satu Jalan Tutong telah siap untuk di-gunakan.

Sa-orang juruchakap bagi pereka2 bentuk, Booty Edwards dan Rakan2 berkata, bangunan itu akan di-serahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Bangunan itu, yang terdiri dari makmal sains am, bilek2 sharahan dan seni akan mengadakan kemudahan2 kepada pelajar2. Ia-nya menelan belanja sa-banyak lebih dari \$570,000.

Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkihah juga mengajar beberapa bahasa, ilmu hisab dan lain2 mata pelajaran yang perlu untuk melengkapkan penuntut2, bagi memasuki universiti.



## Lesen2 taxi akan di-keluarkan di-Daerah Temburong

**BANGAR, TEMBURONG.** — Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Salleh bin Hidup berkata pehak kerajaan telah membuat keputusan akan mengeluarkan lesen2 bagi kereta taxi di-Daerah Temburong.

Awang Salleh menyatakan demikian ketika mempengerusikan sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Temburong yang telah berlangsung di-bilik persidangan Pejabat Daerah pada hari Sabtu lepas.

Beliau menyeru kepada penduduk2 di-daerah itu yang ingin mendapatkan lesen2 taxi itu supaya menghantar permohonan2 mereka ka-Pejabat Daerah Temburong tidak lewat dari 30 April ini.

Terdahulu dari itu, majlis telah meluluskan satu usol yang meminta kerajaan supaya mengadakan sa-batang jalan kecil menuju ka-tanah perkuboran orang Islam dekat Pekan Bangar.

Usol tersebut telah di-kemukakan oleh Awang Yahya bin Ya'akub — wakil dari kawasan Puni.

Sementara itu Majlis Mashuarat Daerah Tutong juga mengadakan sidang bulanan-nya pada hari itu.

Dalam majlis itu dua usol telah di-luluskan yang masing2 di-kemukakan oleh Awang Ringgit bin Luang — wakil kawasan Ukong Bukit dan Awang Metali bin Orang Kaya Jaya Putra Haji Talib—wakil kawasan Penanjong dan Keriam.

Usol yang di-kemukakan oleh Awang Ringgit itu ia-lah menasihatkan Pegawai Daerah supaya pehak kerajaan akan dapat mengadakan bidan2 yang terlatih untuk Kampong Ukong dan Bukit. Usol yang kedua ia-lah menasihatkan Pegawai Daerah supaya pehak kerajaan dapat mengadakan doktor yang tetap tinggal di-Daerah Tutong untuk menggantikan doktor tahun 1969 dengan seberapa segera yang boleh.

Awang Metali menyatakan betapa perlu-nya daerah itu mempunyai sa-orang doktor yang tetap di-Pekan Tutong seperti masa2 yang sudah.

Ini, kata-nya ada-lah penting terutama dalam masa keemasan.

Persidangan pada hari itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh.

## Dua orang teknisen X-Ray terima sijil

**BANDAR BRUNEI.** — Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Setia P.I. Franks telah menyampaikan sijil2 kepada dua orang ahli teknisen X-Ray di-pejabat-nya pada minggu lepas.

Mereka ia-lah Awang Ismail bin Abdul Rahman dan Awang Yong Hin Nam yang menerima sijil2 itu dari Society of Radiographers di-United Kingdom.

Awang Ismail mula berkhidmat dengan kerajaan dalam tahun 1950 sa-bagai sa-orang pembantu rumah sementara Awang Yong Hin Nam muda berkhidmat dalam tahun 1951.

Gambar atas menunjukkan Pehin Dato Franks sedang menyampaikan sijil tersebut kepada Awang Ismail sementara gambar kiri: Awang Yong sedang memerhatikan sijil yang di-perolehi-nya itu.



## Permohonan2 untok masok pereksa mula di-terima

**BANDAR BRUNEI.** — Jabatan Pelajaran telah memulakan pendaftaran permohonan2 dari chalu2 persendirian yang ingin memasoki peperiksaan Sijil Seberang Laut, Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Am Pelajaran dan Sijil Persekolahan Tinggi.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, peperiksaan2 itu akan di-adakan dalam bulan Nobember tahun ini, di-Bandar Brunei dan Seria.

Chalu2 tersebut hendak-lah dapat memuaskan Jabatan Pelajaran dengan bobti2 yang mengisahkan mengenai pelajaran mereka dalam Tingkatan V kerana peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Am Pelajaran dan Tingkatan VI kerana peperiksaan Sijil Pelajaran Tinggi.

Chalu2 yang akan memasoki peperiksaan2 itu mestilah mempunyai salah satu daripada sharat2 saperti di-bawah ini:—

- \* Naskah asal keputusan sijil peperiksaan S.P.M./S.A.P. atau
- \* Naskah asal keputusan ujian kelayakan atau
- \* Naskah asal keputusan sijil peperiksaan S.R.P. 1968 atau terdahulu dari itu

dengan pangkat pertama atau kedua atau A atau B.

Borang2 dan keterangan2 lanjut boleh di-dapati dari Jabatan Pelajaran, Penyusun Kelas2 Dewasa di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Sekolah Menengah S.M.J.A., Sekolah Menengah Mohammad Alam, Sekolah Menengah Ahmad Tajuddin, Sekolah Inggeris Kuala Belait dan Maktab Anthony Abell di-Seria.

Semua borang2 yang sudah di-isikan bersama wang bayaran masok peperiksaan itu hendak-lah di-hantar kepada Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei tidak lewat dari 24 April ini.

Permohonan2 yang terlewat tidak akan di-layan.

## Balai pulis Lamunin hampir siap

**TUTONG.** — Lebih dari 50 peratus kerja2 pembenaan kompleks balai pulis di-Lamunin telah siap.

Komplek yang mengandungi balai pulis rumah2 pegawai, barek2 untok anggota2 pulis bujang dan yang sudah beristeri serta sa-buah kanteen.

Komplek tersebut di-anggarkan menelan belanja \$590,000.00.

Ini termasuk pemasangan pagar, lampu2 keselamatan, pembenaan jalan dan tanki2 ayer.

## Brunei pertahankan Piala Hales

**MUARA.**—Brunei sekali lagi berjaya mempertahankan Piala Hales sa-telah pasukan Kelab Brunei memenangi perlumbaan Lumba Perahu Layar Di-Raja utama dalam lumba perahu layar antara pelabohan yang ke-17 yang berlangsung di-Muara baru2 ini.

Kelab Lumba Perahu Layar Brunei mendapat lima keme-

nangan di-ikuti oleh Kelab Lumba Perahu Layar Kota Kinabalu dengan mendapat empat kemenangan, ketiga Kelab Lumba Perahu Layar Miri dengan tiga kemenangan dan keempat Kelab Miri/Belaait.

Dalam perlumbaan merebut Piala Dusty Miller, Kelab Perahu Layar Kota Kinabalu mendapat tempat pertama, ke-

dua Brunei ketiga Kelab Miri/Belaait dan ke-empat Sandakan.

Peserta2 dari Kota Kinabalu, Sandakan Brunei dan Kuala Belaait telah mengambil bahagian dalam perlumbaan selama tiga hari itu.

Piala2 dan hadiah2 telah disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Pengiran Haji Mohammad.

# KESUSASTERAAN RAAYAT

## SIRI KE-EMPAT

OLEH:

IDRIS ABDUL GHANI, B.A., DIP OF ED.

S.M.M. JALAN MUARA, BRUNEI

sunan cerita rakyat Melayu yang umum. Unsur2 cerita Ramayana memang terdapat di-dalam-nya, tetapi dalam pengolahan keseluruhan cerita-nya, hampir2 tidak lagi dapat di-katakan bahawa cerita ini ada-lah daripada pengaruh Ramayana.

Dan kalau kita membuat penelitian tentang isi cerita2 yang dituturkan itu, ada chachet chela-nya, tetapi ada juga hal2 yang mesti kita mengakui kebijaksanaan tukang2 cerita itu; terutama dalam hal menggambarkan suasana dan keadaan yang indah. Mengenai chachet chela mithal-nya, tukang2 cerita terlalu mengagong2kan sifat kesaktian, kegagahan, kechante-kan, hulubalang yang gagah berani, bala tentera yang tiada terkira banyak-nya. Jalan2 cerita-nya penuh dengan lukisan2 ajaib dan tiada menasabah pada akal orang2 zaman ini, umpama-nya mengenai orang kayangan, dewa2, peri, mam-ber, raksasa dan sabagai-nya. Pe-kara2 ini biasa-nya di-huraikan dengan berbelit2, panjang lebar serta banyak mengulang2. Tujuan uta-ma-nya ia-lah semata2 untuk menghiborkan hati pendengar2 sa-haja, kerana itu ia tidak memen-tingkan tentang isi atau jalan che-rita.

Kerana sebab2 untuk menghiborkan pendengar2 atau pembac-ha2 itu-lah selalu-nya di-dapati susunan kata2 yang menggambarkan sa-suatu pemandangan atau perihai di-dalam cerita2 yang di-tuturkan itu banyak yang sarupa. Dan sebab itu tidak-lah hairan di-dapati kata2 berirama dalam Ma-lim Deman boleh juga di-dapati dalam hikayat2 Malim Dewa, Awang Sulong Merah Muda, Seri Pama dan lain2 lagi. Umpama-nya tentang penggambaran raja meni-tahkan orang besar2-nya suroh menghimpunkan raayat dan ten-tera-nya, menggambarkan bagai-mana sa-kalian raayat berhimpun, tentang raayat sesudah mendengar titah perintah raja, tentang apa-bila sa-orang putra atau puteri raja lahir dan sabagai-nya.

Walau bagaimana pun dapat kita membuat kesimpulan bahawa cerita2 yang di-tuturkan itu tiada tetap bentuk-nya, yakni sentisa ber-ubah2 mengikut aliran kasedapan orang yang menceritakannya da-ri satu masa ka-satu masa dan tempat. Rasa-nya baik juga saya beri satu misalan untuk menunjokan betapa indah-nya ungkapan2 ter-ator itu dalam cerita2 penglipor lara Melayu ini. Hendak menunjokan marah, muka raja itu di-gam-barkan seperti "Bunga Raya Kem-bang Pagi". Atau hendak menun-jokan sekalian raayat berhimpun, di-sisipkan kata2:

Yang chapek datang betongkat.  
Yang buta datang berpimpin.  
Yang pekak leka bertanya.  
Yang kechil terambang lintang.  
Yang jahar tolakan2.  
Yang pendek tinjau-meninjau.  
Dan gambaran meriah-nya ken-duri, kita dapati:

Ayer dideh menganak sungai,  
Kerak nasi membusut jantan.  
Kepala kerbau di-buat tungku.

Sa-belum saya menamatkan cheramah saya berkenaan kesusas-teraan raayat Melayu ini, suka sa-ya menyatakan bahawa walau pun cerita2 raayat itu selalu di-kata-kan orang cerita2 khayal atau dongeng, tetapi tidak-lah bijak ka-lau, kita menganggap-nya sebagai dongeng sa-mata2. Apa yang di-harapkan dan harus bagi kita meni-lai-nya dari kacha mata gulong-an yang melahirkan cerita2 itu. Sebab saya katakan begitu, ke-rana kesusasteraan raayat, ada-lah pengalihan daya sastera manusia yang asasi dan pancharan fikiran yang asasi juga, tetapi tetap ber-nilai kepada manusia umum-nya.

telah di-usahakan pencheta-kan-nya oleh pegawai2 Ingeris seperti William Maxwell, Wilkinson, Winstedt dan Stur-rock dengan di-bantu oleh Raja Haji Yahya dari Perak. Di-samping itu ada beberapa lagi cerita2 yang telah di-usaha-kan perakaman-nya; seperti Si Kambang, Awang Kambang dan Raja Dewa dari Kelantan serta Raja Mahadong Bongsu dari Terangganu.

Di-perhatikan kapada che-rita2 tersebut kita dapat mem-bahagikan-nya kapada dua ba-hagian besar;

(1) Cerita Asli Raayat — Di-mana binatang di-gambar-kan sabagai manusia yang dap-at berkata2, berakal dan ber-tingkah-laku sabagai manusia. Gambaran mengenai watak bi-natang dengan kepintaran, ke-tajaman dan kebijaksanaan ada-lah kiasan yang menggam-barkan kehidupan masyarakat sesungguh-nya. Sementara itu ada juga di-gambarkan pelaku-nya bukan lagi binatang tetapi

benar2 manusia. Isi-nya men-cherminkan kehidupan masha-rakat serta keritik yang tajam. Oleh pencerita di-cheritakan cerita itu dalam bentuk luchu dan menggelikan hati; Ini se-lalu-nya ada-lah berkenaan de-ngan raja, anak2 raja, tuan2 puteri, tidak kurang pula men-cheritakan manusia istemewa bukan sahaja pelakun2 - nya chantek rupawan, tetapi gagah dan kuat yang melebehi ke-mampun manusia biasa, di-katakan juga bahawa cerita2 itu bermotif hero.

(2) Cerita dari pengaruh Hin-du dan Arab yang di-sador ka-da-lam bahasa Melayu dengan di-sesuaikan unsur2 Melayu. Untok ini kita dapati sa-buah cerita yang di-rakamkan oleh William Maxwell di-Perak, yaitu Hikayat Seri Rama. Naskhah tertulis Hikayat Seri Rama memang di-ketahui tua umor-nya, dan unsur2 asli epik Hindu yang mashor ini banyak dipegang tegoh, walau pun tidak benar2 se-rupa dengan epik Ramayana da-lam kesusasteraan Sanskrit tua. Tetapi, cerita Seri Rama yang di-rakamkan oleh William Maxwell itu menunjokan bahawa cerita itu ada-lah cerita yang mengikut su-



Gambar atas menunjukkan 10 dari 20 orang anggota Polis Di-Raja Brunei yang telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lepas untuk menjalani latihan di-Pusat Latihan Polis di-Kuala Lumpur.

Mereka ini ada-lah dari

bahagian semboyan pasokan itu dan 10 orang yang lain-nya itu ia-lah pemandu2 ke-reta pulis.

Anggota2 pulis itu akan berada di-Malaysia Barat selama tiga hingga empat bulan.

SUNGGOH pun awal kurun yang kedua puluh telah ada alat2 chetak batu untuk menchetak buku2 cerita Me-layu sama ada dari jenis hi-kayat, cerita atau shaer, ma-seh lagi banyak terdapat tu-kang2 cerita Melayu, teruta-ma-nya di-kampung2 dan di-tempat2 yang belum terpenga-roh serta mengenal pengaruh barat menuturkan cerita2-nya dengan sungguh menarek per-hatian penggemar2-nya tua muda, lelaki perempuan dan kanak2.

Bagi orang2 Melayu tukang2 cerita yang pandai bercherita itu di-gelarkan "Penglipor-lara". Biasa-nya mereka itu ada-lah orang yang tiada tahu membaccha dan menulis. Gu-longan ini amat terkenal dan tersibar dengan luas-nya ka-merata pelusok kepulauan Me-layu. Hooykaas dalam buku-nya "Penyedat Sastera" me-namakan cerita2 ini Epos Raayat. Sementara Wilkinson dan Winstedt pula menama-kan-nya "Folk - Romances" atau roman raayat. Tetapi da-lam menentukan chorak2 che-rita raayat Melayu pada masa ini, cerita2 ini di-namakan sahaja cerita2 penglipor-lara.

Cerita penglipor lara ia-lah semua cerita yang sifat-nya untok sekadar penghibor hati di-kala senggang, di-malam bulan purnama, di-waktu majlis keramaian atau sesudah makan untok menghibor2kan anak2 chuchu oleh orang tua. Biasa-nya tukang2 cerita itu bercherita hingga larut malam baru ia berhenti sa-olah2 ia membaccha cerita itu dari sa-buah buku dan kadang2 kalau tidak habis di-sambong pula pada malam esok-nya. Dalam masa bercherita itu biasa-nya pencerita jarang teragak2 atau pun terlupa, kerana sudah menjadi kebiasaan dan telah melancar-nya dari samanjak muda hingga ka-tua. Dan ka-lau di-teliti kaseluruhan isi2 yang terkandung dalam che-rita2 penglipor lara ini ada-lah dongeng yang terselit di-dalam-nya tamsil, ibarat serta dide-kan budi pekerti.

Sa-hingga ini ada di-dapati sabelas buah cerita2 tua yang telah di-chetak dan di-usaha-kan merakam-nya di-Malay-sia, dan satengah2-nya di-gunakan oleh sekolah2 Melayu sa-belum perang sa-bagai bu-ku2 bacaan. Cerita2 yang telah di-bukukan ia-lah; Hikayat Malim Dewa, Hikayat Malim Budiman, Hikayat Raja Budiman, Hikayat Raja Do-nan, Hikayat Anggun Che Tunggal, Hikayat Awang Su-long Merah Muda, Hikayat Si-Miskin dan Hikayat Seri Rama. Semua cerita ini ada-lah di-ketahui umum yang dulu-nya di-cheritakan oleh Pawang Ana bersama menan-tu-nya Mir Hassan, kemudian

# JAWATAN-JAWATAN KOSONG

## SA-BAGAI PENGELOLA PERKEMBANGAN BAHASA

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan kosong sa-bagai Pengelola Perkembangan Bahasa di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

### Kelayakan2 dan pengalaman:

(a) (i) Mempunyai kelulusan Sijil Persekolahan Tinggi dengan mendapat kepujian dalam bahasa Melayu atau kelulusan yang sa-banding dengan-nya; dan

(ii) Mempunyai Diploma yang di-akuai oleh Kerajaan dalam sa-suatu perkara mengenai bahasa; atau

(iii) Mempunyai pengetahuan bahasa yang sa-banding dengan-nya; atau

(b) (i) Mempunyai pengalaman dalam hal perkembangan bahasa sekurang2-nya selama lima tahun; dan

(ii) Mempunyai sa-suatu Diploma yang di-akuai oleh Kerajaan yang berkaitan dengan perkembangan bahasa.

Pemohon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-sebutkan di-atas akan di-pertimbangkan juga sekira-nya kelulusan dan kebolehan-nya sesuai dengan pekerjaan yang akan di-tugaskan kapada-nya.

### Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB4 — \$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

## Sa-bagai Tukang

### Kebun - Pemberseh

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan Tukang Kebun/Pemberseh di-Balai Pulis Daerah Kuala Belait. Hanya orang yang tinggal atau berdekatan di-daerah ini di-kehendaki memohon.

### Gaji:

Dalam sukatan gaji \$160x5— 175/EB/180x5-195.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 April, 1970.

### Sharat2 Perkhidmatan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perhubungan selama enam bulan. Chalun yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

### Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-

bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 April, 1970.

## DI-JABATAN PELAJARAN

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Penolong Guru2 Pertukangan (Aliran Inggeris) dalam bahagian Mengechat dan Menghias bagi Sekolah Pertukangan Pembangunan, Bandar Brunei.

Di-kehendaki bertugas pada 1hb. Januari, 1971, atau pun lebih awal lagi jika boleh.

### Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah mempunyai sijil pertukangan yang di-akuai seperti City and Guilds Craft Certificate dalam bahagian mengechat rumah termasuk "sign writing" dan atau "motor vehicle spray painting", dan hendak-lah sa-baik2-nya mempunyai pengalaman perusahaan dan mengajar.

### Gaji:

Dalam sukatan gaji T. 7 — \$440 x 20 — 660 x 30 — 840. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

### Sharat2 Perkhidmatan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama, bagi chalun2 yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

### Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 7 Mei, 1970.

## Sa-bagai Aperintis Tingkat II

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Aperintis Tingkat II di-Bahagian Mesen Pejabat Perbendaharaan, Brunei.

### Kelayakan2 dan pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan mesti-lah berumur antara 18 hingga 30 tahun.

b) Pemohon2 mesti - lah mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam kerja2 memelihara dan memperbaiki mesen2 taip dan mesen2 pejabat.

## Sa-bagai Juru

### Trengkas Inggeris

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Juru Trengkas Inggeris di-Jabatan Kehakiman, Brunei.

### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai kebolehan dalam chatetan trengkas sa-chepat 80 perkataan sa-minit dan menaip 40 perkataan sa-minit. Mempunyai kebolehan berbahasa Melayu/Tionghua merupakan satu kelebihan.

### Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB4 — \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 April 1970.

### Gaji:

Dalam sukatan gaji F2 EB 3 — \$180 x 5 — 195/EB/200 x 5 — 220.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 23 April, 1970.

## SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



## KASTAM PUNYAI KAPAL RONDA YANG LAJU

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah mengadakan lawatan ka-tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei pada hari Rabu lepas untuk melihat sa-buah kapal ronda Jabatan Kastam dan Bea yang baru di-beli.

Kapal ronda itu di-lengkapkan dengan beberapa kemudahan termasuk sa-buah alat talipon radio dan ia-nya yang pertama saperti itu di-Brunei.

Kapal tersebut di-buat dari 'Fibre glass' dan di-lengkap dengan dua buah enjin dalam jenis Mercury yang masing2 mempunyai tenaga 109 kuda. Ia-nya boleh mencapai sa-laju 40 batu sa-jam dan ini mungkin merupakan kapal kastam paling laju di-Borneo.

Pengawal Kastam dan Bea, Awang Othman Chua Kwong Soon berkata, kapal tersebut ada-lah merupakan alat yang berkesan kapada jabatan kastam dalam tindakan menche-gah penyeludupan melalui laut.

Awang Othman berkata, kapal itu pada umum-nya di-gunakan untuk melaksanakan undang2 Kastam yang lebeh baik dan memelihara undang2 dan peratoran yang berhubung dengan barang2 impot dan expot melalui jalan laut dan kapal2 yang tiba dan belayar.

Di-samping itu, tegas beliau, kapal tersebut boleh juga di-gunakan sa-bagai station kastam jika ia-nya tidak di-guna-kan.

## 18 ORANG PEMAIN BOLA DI-PILEH

(Dari Muka 1)

Dalam perlawanan itu nanti Brunei di-masokkan dalam kumpulan "A" dan akan ber-tanding dengan pasukan2 dari Thailand, Korea dan Hong-kong.

Pemain2 yang telah di-pileh untuk mewakili Brunei itu ia-lah:—

Matzan bin Abdul Ghani, Anuar bin Abdullah, Ak. Maidin bin Pg. Hashim, Mas Hassan bin Buang, Tamat bin Budin, Ya'akub bin Mohamad, Abdullah bin Haji Badar, Ayub bin Hamid, Yusuf bin Salim, Hasan bin Harith, Ak. Jaluddin bin Pg. Othman, Ak. Tajuddin bin Pg. Othman, Ak. Tajuddin bin Pg. Hashim, Mas Yose bin Abdul, Md. Yusuf bin Bakar, Rusli bin Ibrahim, Abdul Rahman bin Haji Naim dan Roshidi bin Abang Haji Suhaili.

Mereka akan di-sertai oleh Awangku Idris bin Pengiran Shahbandar Pengiran Haji Mohamed, Awang S. Liew Kee Soon, Awang Mohamed bin Ismail dan Awang Abdul Karim bin Pukul.

Gambar bawah: Kapal ronda yang di-lengkapkan dengan dua buah enjin dalam jenis Mercury itu sedang menguji kelajuan-nya di-sungai Brunei pada hari itu.



Gambar atas menunjukkan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Paduka Momin ketika berada dalam kapal ronda itu. Bersama2 beliau ia-lah pegawai2 dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan dan Penguasa Kastam dan Bea, Awang Othman Chua Kwong Soon (no. 4 dari kiri).

## Jangan pergi ka-hospital pada hari2 kelepasan awam

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Perkhidmatan Perubatan Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja Dato Setia Dr. P. I. Franks telah meminta kapada orang ramai supaya jangan datang ka-klinik pada hari2 kelepasan awam kechuali benar2 mustahak.

Beliau berkata, orang ramai perlu datang ka-rumah sakit pada hari2 kelepasan awam hanya jika mereka berpenda-

pat sangat2 perlu berbuat demikian atau pun jika mereka di-minta khas datang untuk rawatan ka-atas mereka.

Pehin Dato Franks berkata, sa-tengah2 orang menggunakan hari2 kelepasan untuk datang ka-klinik bagi rawatan ka-atas penyakit yang tidak memerlukan rawatan segera.

Ini mengakibatkan bilangan orang2 datang ka-klinik pada hari2 kelepasan sama banyak-nya dengan hari2 biasa.

Beliau berkata, ada-lah perlu bagi semua kaki-tangan jabatan itu mendapat rehat bagi membolehkan mereka memberikan perkhidmatan yang lebeh baik pada orang ramai.

Perkhidmatan perubatan ada-lah sentiasa ada bagi orang ramai dan kakitangan-nya bekerja bukan sahaja kerana gaji tetapi ada-lah sa-bagai tanggung jawab dan perkhidmatan kapada manusia.

Tetapi mereka memerlukan rehat dan mereka hanya akan dapat berbuat demikian pada hari2 kelepasan awam apabila kerja biasa di-klinik di-gantungkan buat sementara.

## Pengkajian Berpos

(Dari Muka 1)

chara perkongsian, umum atau persendirian yang belum lagi memberikan jawapan supaya berbuat demikian seberapa segera yang boleh.

Juruchapak itu juga meminta badan2 perniagaan yang belum menerima daftar itu, supaya menghantarkan wakil-nya ka-bahagian ekonomik untuk mendapatkan satu salinan.

Semua jawapan-nya akan di-rahsaikan dan di-gunakan ia-nya sa-bagai panduan bagi rancangan ekonomik masa depan dan untuk memudahkan penyediaan ekonomik masa hadapan negeri ini.

## DBP terbitkan buku sain

BANDAR BRUNEI. — Dewan Bahasa dan Pustaka telah berjaya menerbitkan satu siri 12 buah buku sain untuk murid2 di-darjah permulaan, di-seluruh negeri.

Buku2 itu ada-lah dalam bahasa Melayu yang di-beri nama "Mari Belajar Sain" dan mudah di-fahami oleh kerana ia-nya mengandungi gambar2 berwarna warni dan rajah2 sa-bagai tambahan kapada penerangan2 yang bertulis.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Haji Awang Mohamed Jamil Al-Sufri berkata, buku2 itu telah di-terbitkan, memandangi kapada keadaan dunia pada masa ini yang mementingkan pengetahuan ilmu sain dan teknologi.

Dengan ada-nya buku2 sain yang mudah di-fahami oleh kanak2 dalam bahasa kebangsaan itu, kanak2 dan murid2 darjah2 permulaan akan berpeluang mempelajari sain dan teknologi dengan chara yang mudah.

Buku Mari Belajar Sain itu di-jual dengan harga 60 sen sa-naskah.

## Kembali sa-telah jalani kursus

BANDAR BRUNEI. — Penolong Penyelenggara Muzium, Awang Lim Jock Seng telah pulang ka-tanah ayer pada hari Khamis lepas sa-telah menjalani kursus selama sa-bulan di-berbagai muzium di-Malaysia dan Republik Singapura.

Selama menjalani kursus, beliau telah di-tempatkan di-muzium Kuching, Singapura dan Kuala Lumpur.

Sa-lain dari itu beliau juga telah membuat lawatan ka-perusahaan kain dan perikanan di-Malaysia Barat.